

- b) Taklimat Literasi Bacaan PISA untuk guru-guru Tingkatan 3 yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia akan diadakan mulai bulan Mei-Jun 2014. Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada guru-guru berkenaan tentang latar belakang dan kerangka/format ujian PISA. Selain itu, guru-guru juga didedahkan kepada teknik bacaan yang boleh membantu dan meningkatkan kemahiran bacaan dan kefahaman murid. Di dalam taklimat penjelasan tentang KBAT dibuat supaya guru dapat menerapkan ciri-ciri KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih berkesan.
- c) Murid juga menduduki *Mocktest* PISA dan menggunakan modul yang telah dihasilkan agar mereka biasa dengan format soalan PISA.
- d) Sebagai langkah jangka panjang, guru sains dan matematik dilatih untuk mengajar menggunakan kaedah inkuiiri dan kaedah penyelesaian masalah yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid.
- e) Buku Panduan 2 Literasi Bacaan PISA dalam kedua-dua bahasa sedang dibangunkan dan akan dimuat naik ke laman web Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM untuk membantu guru dan murid lebih memahami PISA. Buku panduan tersebut mengandungi semua maklumat yang disampaikan semasa Taklimat Literasi PISA dan contoh-contoh soalan *release item* PISA dan ala PISA yang boleh dimuat turun.

Semua inisiatif yang sedang dijalankan ini diyakini dapat meningkatkan kualiti pendidikan Malaysia secara menyeluruh dan menghasilkan sumber manusia yang lebih berkualiti dan mampu berfikir pada aras tinggi.